


# SEPINTAS LALU STOK MODAL

**Anggaran Stok Modal** memberikan maklumat mengenai **nilai aset terkumpul** yang wujud dalam ekonomi pada suatu masa tertentu.

Penyusunan adalah mengikut jenis aktiviti ekonomi dan jenis aset.



**Stok Modal** merangkumi semua aset tetap seperti jentera, peralatan, bangunan dan struktur lain yang digunakan oleh pertubuhan untuk menyediakan input **perkhidmatan modal**<sup>1</sup> ke dalam proses pengeluaran.

<sup>1</sup> Perkhidmatan modal ialah kuantiti perkhidmatan yang disediakan oleh aset tetap

## Stok dan Aliran

Stok modal ialah **pengumpulan aset tetap** yang wujud dalam ekonomi pada suatu masa tertentu dengan mengambil kira konsep stok dan aset.


Sistem Akaun Negara merekodkan **stok** sebagai kedudukan & pegangan aset dan liabiliti pada suatu masa tertentu serta mempunyai hubungan kait dengan aliran iaitu pengumpulan aliran menghasilkan stok<sup>2</sup>.

**Aset** pula adalah nilai simpanan yang menggambarkan satu faedah atau rangkaian faedah yang terkumpul oleh pemilik ekonomi dengan memegang atau menggunakan entiti dalam satu jangka masa tertentu. Klasifikasi aset terdiri daripada aset kewangan dan bukan kewangan<sup>3</sup>.

**Aset bukan kewangan** dibahagikan kepada aset yang dihasilkan dan aset bukan yang dihasilkan. **Aset yang dihasilkan** merupakan aset yang telah wujud sebagai output daripada proses pengeluaran, dan digunakan secara berulang atau berterusan dalam proses pengeluaran lain bagi tempoh masa lebih daripada satu tahun (**Paparan 1**).

Pecahan kepada aset yang dihasilkan adalah inventori, aset tetap dan barang berharga. Berdasarkan **Paparan 1**, Stok Modal hanya merangkumi **aset tetap** yang dapat diklasifikasikan kepada aset ketara dan aset bukan ketara.

### Paparan 1 : Kategori Aset



Contoh:

- Kediaman
- Bangunan lain & struktur
- Jentera & peralatan
- Ternakan

Contoh:


- Carigali mineral
- Perisian komputer
- Hiburan, kesusasteraan dan kesenian asal

<sup>4</sup> Digunakan dalam penyusunan Stok Modal



The **Perpetual Inventory Method (PIM)** digunakan untuk mendapatkan anggaran stok modal. PIM menghasilkan anggaran stok modal dengan mengumpulkan pembelian aset masa lalu sepanjang jangka hayat perkhidmatan mereka. Terdapat dua pendekatan dalam menerapkan PIM iaitu PIM tradisional dan pendekatan bersepadu, di mana PIM pendekatan bersepadu merupakan pendekatan yang dilaksanakan untuk penganggaran stok modal di Malaysia. Bagi mencapai pelaksanaan PIM yang tepat, siri masa PMTK, indeks harga aset, purata jangka hayat perkhidmatan aset, fungsi persamaan, fungsi kecekapan usia dan fungsi harga usia adalah pemboleh ubah yang diperlukan dalam anggaran tersebut. **Paparan 2** meringkaskan langkah-langkah yang terlibat dalam mengaplikasikan pendekatan PIM:

**Paparan 2: Aplikasi PIM (Pendekatan bersepadu)**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

**Keperluan PIM**

- **Pembentukan Modal Tetap Kasar (PMTK)**
- **Indeks Harga Aset**
- **Purata hayat perkhidmatan aset** merujuk purata tempoh masa sesuatu aset digunakan dalam pengeluaran
- **Fungsi persamaan** merujuk kepada masa yang paling lama sebuah aset akan digunakan sebelum dibuang. Dalam kompilasi ini, *Winfrey S3* diterapkan sebagai fungsi persamaan untuk semua jenis aset kecuali hiburan, sastera dan kesenian asal
- **Fungsi kecekapan-usia** menggunakan fungsi hiperbolik. Fungsi ini menggambarkan perubahan dalam kecekapan aset apabila usia sesuatu aset meningkat
- **Fungsi harga-usia** menggambarkan perubahan dalam harga aset apabila usia sesuatu aset meningkat

**Perangkaan Stok Modal merangkumi Stok Modal Kasar (SMK), Stok Modal Bersih (SMB) dan Stok Modal Produktif (SMP)**

**Kepentingan stok modal**




Secara umum, Stok Modal digunakan untuk:


- 1 **Mengganggu keluaran potensi**  
Keluaran potensi ialah keluaran tertinggi yang boleh dihasilkan oleh sesebuah ekonomi di mana input iaitu tenaga buruh dan stok modal dapat digunakan secara efisien dalam mencapai pengeluaran maksima  
Keluaran potensi = Keluaran sebenar (KDNK) – Jurang keluaran
- 2 **Mengukur produktiviti modal**  
Produktiviti diukur melalui kecekapan input iaitu tenaga buruh dan stok modal dalam menghasilkan pengeluaran bagi mencapai keluaran potensi yang dianggarkan  
Produktiviti modal = (Keluaran sebenar (KDNK) / stok modal) \*100
- 3 **Mengukur penggunaan kapasiti**  
Penggunaan kapasiti adalah medium ukuran yang memberi gambaran tentang peratusan keluaran potensi yang telah dicapai  
Penggunaan kapasiti = (Keluaran sebenar (KDNK) / keluaran potensi) \*100
- 4 **Mengira nisbah modal kepada output atau kadar pulangan ke atas modal**  
Nisbah modal kepada output ialah jumlah modal yang diperlukan bagi menghasilkan satu unit output  
Nisbah modal kepada output = (Stok modal / Keluaran sebenar (KDNK)) \*100




## Jenis aktiviti ekonomi



## Jenis aset




## Paparan 3: Stok Modal Mengikut Jenis Aset



Sumber: Laman web rasmi agensi statistik negara terpilih


**Paparan 3** menunjukkan anggaran stok modal Malaysia dan beberapa negara terpilih mengikut 3 jenis aset iaitu Struktur, Jentera & peralatan dan Aset lain. Aset **Struktur** kekal sebagai penyumbang utama pada tahun 2021 bagi semua negara di mana Canada mencatatkan peratus tertinggi sebanyak 88.6 peratus. Kesemua negara menunjukkan corak peratus sumbangan yang sama di mana Aset Jentera & peralatan merupakan penyumbang terbesar kedua dan diikuti oleh Aset lain. Hal ini menunjukkan anggaran stok modal di Malaysia adalah sejajar dengan negara lain.

Pada tahun 2021, daripada 5 negara tersebut, **Australia dan United Kingdom** mempunyai paparan stok modal mengikut aktiviti ekonomi. Berdasarkan **Carta 1**, Malaysia, Australia dan United Kingdom merekodkan sektor **Perkhidmatan** merupakan penyumbang utama pada tahun 2021, diikuti Perlombongan & pengkuarian, Pembuatan, Pembinaan dan Pertanian. Kesemua negara mencatatkan aturan sumbangan yang sama bagi tahun 2020 dan 2021.



Sumber: Laman web rasmi agensi statistik negara terpilih

Kekayaan ekonomi Malaysia merekodkan nilai **RM3.28 trilion** pada **tahun 2021** dengan mencatatkan pertumbuhan perlahan **1.8 peratus**



- Stok Modal Bersih (SMB) yang mewakili kekayaan ekonomi Malaysia meningkat sebanyak RM57.4 bilion pada tahun 2021, mencatatkan RM3.28 trilion berbanding RM3.22 trilion pada tahun 2020.
- Pertumbuhan SMB disokong oleh sektor Perkhidmatan dan Pembuatan.
- Sektor Perkhidmatan menyumbang 68.2 peratus daripada keseluruhan aktiviti ekonomi dengan nilai RM2.24 trilion. Ini diikuti oleh sektor Perlombongan & pengkuarian 17.0 peratus dan sektor Pembuatan 11.7 peratus kepada jumlah keseluruhan SMB.
- Dari segi jenis aset, Struktur kekal sebagai penyumbang utama kepada SMB iaitu sebanyak 80.7 peratus dan mencatatkan pertumbuhan 2.5 peratus. Jentera & peralatan merupakan penyumbang kedua terbesar dengan 11.0 peratus, disokong oleh jentera & peralatan lain dan komputer. Sementara itu, Aset lain menyumbang 8.3 peratus daripada jumlah aset.
- Melangkah ke hadapan dalam mencapai aspirasi Malaysia untuk menjadi ekonomi bernilai tambah dan berpendapatan tinggi, usaha untuk meningkatkan kualiti stok modal dan kecekapan penggunaannya akan menjadi elemen yang amat penting.
- Menurut Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), tahap stok modal negara perlu ditingkatkan kerana ia menyumbang kepada infrastruktur dan jentera yang lebih moden. Tahap kebergantungan Malaysia kepada buruh asing yang murah telah menghalang syarikat daripada melabur dalam mesin dan peralatan canggih untuk meningkatkan produktiviti.
- Justeru itu, beberapa langkah proaktif boleh dilakukan seperti memberi tumpuan kepada stok modal yang lebih tinggi dalam sektor swasta berbanding sektor awam di Malaysia kerana ianya merupakan tunjang kepada pertumbuhan produktiviti negara berbanding sektor awam.
- Penerbitan statistik tahunan Perangkaan Stok Modal boleh diperolehi dari portal DOSM atau melalui pautan: <http://www.dosm.gov.my/>



## “Statistics Bloom in Harmony”

Doesn't matter far or near  
Strength in numbers  
we don't live in fear

Birds of feather flock together  
Statistics our form of adour  
We, will always live it up

Prechorus  
So let us live in solidarity  
And in the world arena we'll succeed  
It is statistics that will come to be  
The reason we will bloom in harmony

Chorus

Everybody undivided  
Data's where our hearts reside in  
There will always be a bind

Just like fire that ignites  
That's how brightly lit our dreams are  
We'll reach higher than the stars

Sending love to one another  
Leaving no one in a slumber  
We will stand with unity

Mustering our courage while  
Embracing our disparities  
We'll achieve our victory

One dream with unity  
One love with harmony

## “Statistik Segalanya Pasti”

Tak kira walau apa  
Cabaran dan aral melintang  
Statistik meringankan  
Segala beban yang menjelma  
Gementar tiada


Prechorus  
Bersama kita teguh hadapi  
Bentala dipenuhi misteri  
Namun statistik kan melindungi  
Statistik petunjuk realiti

Chorus  
Kesejahteraan negara  
Perpaduan seluruh bangsa  
Dengan irama data  
Tidak hanya berbicara  
Pagi hingga ke senja  
Semangat yang terus membara  
Data dan kehidupan berteraskan harapan  
dan impian kemakmuran  
Segalanya PASTI  
Bergalaskan strategi  
Menuju aspirasi

Harapan.. Keamanan  
Impian... Kedamaian 2021.



# Perkhidmatan Atas Talian DOSM



**Imbas untuk ke Portal Perkhidmatan Atas Talian DOSM**



**Portal Data**



**Visual Interaktif**



**Dashboard**



**Hubungi kami**

-  [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my)
-  [info@dosm.gov.my](mailto:info@dosm.gov.my)  
[data@dosm.gov.my](mailto:data@dosm.gov.my)
-  +6 03 8885 7000
-  +6 03 8888 9248



**StatsMalaysia**